

UASA BAHASA MELAYU
SET 1

BAHAGIAN A
[10 markah]

Pilih **jawapan yang paling sesuai**.

1. Setiap hari _____ itu turun ke laut untuk menangkap ikan dengan memakai jaket keselamatan.

A kerani	B pelayar
C penulis	D nelayan

Pilih **ayat yang sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

2. "Bersihkan meja tulis itu," kata ibu kepada Aira.

A	Aira menyuruh meja tulis itu dibersihkan oleh ibu.
B	Aira menyuruh ibu Aira membersihkan meja tulis itu.
C	Ibu Aira menyuruh Aira membersihkan meja tulis itu.
D	Ibu Aira menyuruh meja tulis Aira dibersihkan dengan segera.

Pilih **ayat yang betul**.

3. A Di hujung minggu, kami pulang ke kampung.
B Oh, bergaya sungguh kamu memakai baju kebaya ini !
C Ani menasihati Emi lalu kami agar menjaga kebersihan taman.
D Adik Lili masih belum tidur kerana sedang menyiapkan kerja sekolahnya.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Pada suatu pagi, Cikgu Laila menerangkan tentang kepentingan menjaga kesihatan kepada murid-murid. "Setiap individu perlu memastikan kesihatan sentiasa baik supaya kita terhindar daripada pelbagai penyakit," kata beliau sambil tersenyum.

Aiman mengangkat tangan lalu bertanya, "Cikgu, adakah penyakit dapat dicegah jika kita menjaga kesihatan dengan baik?"

"Ya, betul Aiman. Dengan menjaga kebersihan diri, makan makanan seimbang dan selalu beriadah, kita akan dijauhi daripada gejala tidak sihat," jawab Cikgu Laila.

Selepas mendengar penjelasan itu, murid-murid berazam untuk mengamalkan gaya hidup sihat. Mereka mahu menjadi insan yang sihat, cergas, dan mampu belajar dengan lebih baik.

4. Mengapa setiap individu perlu memastikan kesihatan sentiasa berada dalam keadaan baik ?
- A Agar sentiasa kemas
 - B Menjimatkan masa
 - C Dijauhi daripada gejala tidak sihat
 - D Terhindar daripada pelbagai penyakit
5. Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
- A Penyakit dapat dicegah jika kesihatan sentiasa dijaga.
 - B Menjaga persekitaran tempat tinggal juga perlu diutamakan.
 - C Kesihatan tubuh badan boleh dijaga dengan mandi 2 kali sehari.
 - D Penyakit malaria, darah tinggi dan kencing manis mudah menjangkiti jika kita tidak bersih.
6. Berikut ialah gaya hidup sihat berdasarkan petikan kecuali
- A memastikan kebersihan diri
 - B makan makanan yang seimbang
 - C beriadah untuk kesihatan badan
 - D elak makan makanan yang berkolesterol

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **bahan 1** dan **bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Bahan 1

**Hari Kebudayaan dan Kesenian
SK Sri Petaling 2023**

Tarikh: 19 April 2023
Masa: 10: 00 pagi – 1: 00 petang
Tempat: Dewan SK Sri Petaling

Murid-murid juga berpeluang untuk mendaftarkan diri dalam kelab yang ditubuhkan.



Bahan 2

Hari Kebudayaan dan Kesenian akan diadakan di dewan sekolah. Karnival ini diharapkan dapat menambahkan ilmu pengetahuan murid tentang kebudayaan dan kesenian. Penganjuran program ini juga dapat memupuk minat murid-murid dalam bidang ini. Murid-murid berpeluang melihat persembahan drama pementasan secara langsung.

Selain itu, murid-murid juga diajak untuk turut serta dalam persembahan puisi. Karnival ini dilaksanakan setiap tahun untuk menggalakkan golongan muda menyertainya. Usaha ini diharapkan dapat memupuk penghayatan dan cintakan budaya yang terdapat di negara kita.

7. Murid-murid berpeluang melihat persembahan drama pementasan secara langsung.
Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah
- A biji
 - B orang
 - C gugus
 - D kawan
8. Apakah faedah penganjuran karnival tersebut ?
- A Murid menyaksikan pelbagai pementasan.
 - B Murid dapat mengembangkan aktiviti sosial mereka.
 - C Murid mampu membuat persembahan kebudayaan yang tersendiri.
 - D Murid-murid dapat menambahkan ilmu pengetahuan tentang kebudayaan dan kesenian.
9. Perkataan *berpeluang* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan
- A berhajat
 - B berkembang
 - C berkesempatan
 - D berketerampilan
10. Pilih pernyataan yang **tidak benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** tersebut.
- A Program ini diadakan di dewan sekolah.
 - B Karnival ini dijalankan selama 3 jam.
 - C Golongan muda diharapkan agar sentiasa cinta akan budaya tanah air.
 - D Peserta pertandingan berpeluang menyaksikan persembahan secara langsung.

Bahagian B

[10 markah]

Soalan 1

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada hujung minggu yang lalu, Kelab Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan Klang telah mengadakan lawatan ke Rumah Persatuan Warga Emas yang terletak di Klang. Tujuan lawatan itu diadakan adalah untuk memupuk perasaan kasih sayang terhadap warga emas.

Para peserta yang hadir melawat ke semua bilik yang terdapat di sana untuk beramah mesra dengan warga emas di sana. Mereka berkongsi cerita dan berbual mesra.

Selain itu, para peserta bergotong-royong membersihkan rumah warga emas di sana. Mereka juga memasak pelbagai juadah untuk dinikmati bersama-sama.

Seterusnya, para peserta menyerahkan cenderamata yang dibawa kepada warga emas. Mereka berharap cenderamata tersebut dapat menggembirakan warga emas di sana.

Para peserta bertolak pulang ke sekolah tepat jam 4:00 petang. Program ini memberikan kesedaran kepada peserta agar tidak mengabaikan ibu bapa.

(a) Kelab Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan Klang mengadakan lawatan ke

_____.

(1 markah)

(b) Apakah tujuan utama lawatan ini diadakan ?

(2 markah)

(c) Gariskan **kata ganda** yang terdapat dalam ayat diberi.

Selain itu, para peserta bergotong-royong membersihkan rumah warga emas di sana.

(1 markah)

(d) Pilih dan tandakan (/) bagi ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberi.

Para peserta bertolak pulang ke rumah tepat jam 4.00 petang.

Tepat jam 4.00 petang, para peserta bertolak pulang ke sekolah.	
Peserta bertolak pulang lebih dari pukul 4.00 petang untuk ke sekolah	

(1 markah)

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah.

Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 30 patah perkataan**.

Pada awal pagi semalam, rumah rakan baik kamu telah terbakar. Mereka sekeluarga tidak dapat menyelamatkan harta benda.

Sebagai seorang rakan, apakah yang boleh kamu lakukan untuk mengurangkan beban rakan kamu itu ?

(5 markah)

Bahagian C
[10 markah]

Gambar di bawah menunjukkan tentang aktiviti bersama jiran tetangga.
Tulis pendapat kamu tentang faedah-faedah daripada aktiviti yang dijalankan.
Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam **satu** perenggan.
Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.



Bahagian D
[20 markah]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat atau tidak berformat. Panjangnya karangan kamu hendaklah **antara 50 hingga 80 patah perkataan**.

[illegible]

